



TalentCorp

1:3 INTERNSHIP POLICY

A PROGRESSIVE POLICY ON EXPATRIATE CONTRIBUTION TO LOCAL TALENT DEVELOPMENT

DASAR LATIHAN INDUSTRI 1:3

DASAR PROGRESIF BERKAITAN SUMBANGAN EKSPATRIAT KEPADA PEMBANGUNAN BAKAT TEMPATAN

Frequently Asked Questions (FAQs)

Soalan Lazim (FAQ)

GENERAL POLICY OVERVIEW **RINGKASAN DASAR LATIHAN INDUSTRI 1:3**

1. What is the 1:3 Internship Policy?

The 1:3 Internship Policy on Expatriate Hiring and Local Talent Development is a government-led initiative implemented by the Ministry of Human Resources (KESUMA) through Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp). The Policy connects expatriate employment approvals to the development of local talent by mandating that companies offer structured, paid, and quality internship placements under the National Structured Internship Programme (MySIP) for every expatriate hired. This ensures that local students gain industry-relevant experience, enhancing their readiness for the workforce, while companies benefit from double tax deductions for costs incurred in the internship programmes.

Apakah Dasar Latihan Industri 1:3?

Dasar Latihan Industri 1:3 berhubung Pengambilan Ekspatriat dan Pembangunan Bakat Tempatan merupakan sebuah inisiatif yang diterajui oleh Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dan dilaksanakan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp). Dasar ini menetapkan bahawa syarikat yang ingin menggaji ekspatriat juga perlu menyediakan peluang latihan industri kepada pelajar tempatan. Latihan industri tersebut hendaklah dilaksanakan secara berstruktur, berbayar dan berkualiti di bawah Program Latihan Industri Berstruktur Nasional (MySIP). Pendekatan ini bertujuan membantu pelajar tempatan memperoleh pendedahan industri yang relevan, sekali gus meningkatkan kesiapsiagaan mereka untuk memasuki alam pekerjaan. Pada masa yang sama, syarikat turut mendapat manfaat menerusi insentif potongan cukai dua kali ke atas kos yang berkaitan dengan pelaksanaan latihan industri tersebut.

2. Why was the 1:3 Internship Policy introduced?

The Policy is essential to meet the growing need for quality internships or work-based learning opportunities for 250,000 to 280,000 students, who make up 2% of the workforce. These students are required to complete an internship or work-based learning to fulfil their academic requirements. The policy ensures that local students receive effective training that bridges the gap between their skill sets and the needs of industries. By implementing the Policy, more than 100,000 internship or work-based learning placements can be created annually, striking a balance between expatriate needs and the development of industry-ready local talent.

Mengapakah Dasar Latihan Industri 1:3 diperkenalkan?

Dasar ini diperkenalkan untuk memenuhi keperluan yang semakin tinggi terhadap peluang latihan industri yang berkualiti dan pembelajaran berasaskan pengalaman kerja bagi sekitar 250,000 hingga 280,000 pelajar setiap tahun. Kumpulan ini mewakili kira-kira 2% daripada tenaga kerja negara dan perlu menjalani latihan industri sebagai sebahagian daripada keperluan pengajian mereka. Melalui dasar ini, pelajar tempatan dapat mengikuti latihan industri yang lebih berkesan bagi membantu merapatkan jurang antara kemahiran yang dipelajari dengan keperluan sebenar industri. Pada masa yang sama, pelaksanaan dasar ini dijangka mewujudkan lebih 100,000 penempatan latihan industri setiap tahun, sekali gus membantu menyeimbangkan keperluan pengambilan ekspatriat dengan usaha membangunkan bakat tempatan yang lebih bersedia untuk memenuhi keperluan pasaran kerja.

3. What are the main objectives of the 1:3 Internship Policy?

The Policy aims to strengthen local talent by providing them with hands-on industry exposure, making them more competitive and workforce-ready while still attracting necessary foreign expertise. It encourages companies to contribute to national talent development by offering structured, paid, and high-quality internship placements. This gives young talent valuable industry experience and increases their employability upon graduation. Additionally, companies benefit from the National Structured Internship Programme (MySIP), which offers double tax deductions for costs incurred during the internship period.

Apakah objektif utama Dasar Latihan Industri 1:3?

Dasar ini bertujuan memperkukuh bakat tempatan melalui pendedahan terus kepada dunia industri, sekali gus meningkatkan daya saing dan kesiapsiagaan mereka untuk memasuki pasaran kerja, sambil terus memenuhi keperluan negara terhadap kepakaran asing yang diperlukan. Pada masa yang sama, dasar ini menggalakkan syarikat untuk memainkan peranan yang lebih aktif dalam pembangunan bakat negara dengan menyediakan peluang latihan industri yang tersusun, berbayar dan berkualiti tinggi. Melalui pendekatan ini, golongan muda dapat memperoleh pengalaman kerja yang relevan, membina kemahiran yang diperlukan industri, serta meningkatkan kebolehpasaran mereka selepas menamatkan pengajian. Selain itu, syarikat juga turut menerima manfaat menerusi Program Latihan Industri Berstruktur Nasional (MySIP), yang menawarkan insentif potongan cukai berganda bagi kos berkaitan pelaksanaan latihan industri.

4. Who oversees the implementation of the 1:3 Internship Policy?

With the key decision made at the Cabinet Meeting on 5th June 2024, TalentCorp is mandated to oversee the implementation of this policy to tie the approval of expatriate employment passes to internship placement quotas, aiming to foster the development of young local talents enrolled in public and private higher education institutions, as well as technical and vocational education and training (TVET) institutes.

Siapakah yang menyelia pelaksanaan Dasar Latihan Industri 1:3?

Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 Jun 2024, TalentCorp telah diberi mandat untuk menyelia pelaksanaan dasar ini, termasuk kelulusan Pas Pengajian Ekspatriat dengan kuota penempatan latihan industri. Pendekatan ini bertujuan memperkukuh pembangunan bakat tempatan dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

5. Who will benefit from the 1:3 Internship Policy?

The Policy will benefit the following groups:

- i. Students of TVET and higher education institutions undergo industrial training during their studies at the Bachelor's, Diploma, or Certificate Level
- ii. Employers and companies that have received approval for expatriate employment passes
- iii. Industry and International Chambers of Commerce
- iv. Relevant ministries and government agencies

Siapakah yang akan mendapat manfaat daripada Dasar Latihan Industri 1:3?

Pelaksanaan dasar ini dijangka memberi manfaat kepada Kumpulan berikut:

- i. Pelajar TVET dan institusi pengajian tinggi yang menjalani latihan industri di peringkat Ijazah, Diploma atau Sijil;
- ii. Majikan dan syarikat yang menerima kelulusan Pas Penggajian Ekspatriat;
- iii. Pihak industri serta Dewan Perniagaan Antarabangsa (ICC); dan
- iv. Kementerian serta agensi kerajaan yang berkaitan.

6. When will the 1:3 Internship Policy take effect?

The pilot phase of the policy ends on 31 May 2026. Full implementation takes effect on 1 June 2026.

Bilakah Dasar Latihan Industri 1:3 akan berkuat kuasa?

Fasa perintis dasar ini akan berlangsung sehingga 31 Mei 2026, manakala pelaksanaan sepenuhnya akan bermula pada 1 Jun 2026.

7. Is the 1:3 Internship Policy mandatory?

Yes. The policy is mandatory for companies within the applicable implementation scope once they have been officially notified and are subject to the policy requirement.

Adakah Dasar Latihan Industri 1:3 bersifat mandatori?

Ya, dasar ini adalah mandatori bagi semua syarikat yang berada dalam skop pelaksanaannya, setelah dimaklumkan secara rasmi dan tertakluk kepada syarat serta keperluan dasar yang telah ditetapkan.

ELIGIBILITY AND REQUIREMENTS

SYARAT KELAYAKAN

8. Which companies are required to comply with the 1:3 Internship Policy?

Companies that have been granted endorsement for approval for expatriate Employment Passes (EP) under the Malaysia Expatriate Services Centre (MYXpats), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Malaysian Investment Development Authority (MIDA), and Iskandar Regional Development Authority (IRDA) are required to comply with the 1:3 Internship Policy. For every new or renewed expatriate Employment Pass endorsed, companies must offer up to three (3) internship or work-based learning placements for local students (1:3 ratio). The required ratio may vary depending on the company category and workforce size. Companies will receive an official notification from TalentCorp confirming their inclusion under the policy. Upon receiving this notification, companies are required to register on MyNext and add the Internship Person-in-Charge (PIC) within 30 days as part of the onboarding requirements.

Syarikat manakah yang perlu mematuhi Dasar Latihan Industri 1:3?

Syarikat yang perlu mematuhi dasar tersebut adalah syarikat yang telah menerima pengesahan bagi kelulusan Pas Penggajian (Employment Pass, EP) ekspatriat melalui Malaysia Expatriate Services Centre (MYXpats), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Malaysian Investment Development Authority (MIDA) serta Iskandar Regional Development Authority (IRDA) adalah tertakluk kepada pelaksanaan dasar ini. Bagi setiap kelulusan baharu atau pembaharuan EP yang disahkan, syarikat dikehendaki menawarkan sehingga tiga (3) penempatan latihan industri atau pembelajaran berasaskan kerja kepada pelajar tempatan, selaras dengan nisbah 1:3. Walau bagaimanapun, nisbah ini adalah tertakluk kepada kategori syarikat dan saiz tenaga kerja. Syarikat akan menerima notifikasi rasmi daripada TalentCorp bagi mengesahkan penglibatan mereka di bawah dasar ini. Susulan itu, syarikat hendaklah mendaftar di platform MyNext serta melantik Pegawai Bertanggungjawab (Person-in-Charge, PIC) bagi latihan industri dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebagai sebahagian daripada keperluan onboarding.

9. What is the eligibility for a company to participate in this programme?

Participation in the 1:3 Internship Policy is based on the approval of an EP. Once the company receives the notification of approval, the internship offering will be under MySIP. For details on MySIP eligibility criteria, kindly refer to the TalentCorp website.

Apakah kelayakan bagi syarikat untuk menyertai program ini?

Penyertaan dalam Dasar Latihan Industri 1:3 adalah berdasarkan kelulusan Pas Penggajian (EP). Setelah syarikat menerima notifikasi kelulusan tersebut, penawaran penempatan latihan industri hendaklah dilaksanakan di bawah Program Latihan Industri Berstruktur Nasional (MySIP). Untuk maklumat lanjut berkaitan kriteria kelayakan MySIP, syarikat boleh merujuk kepada laman sesawang rasmi TalentCorp.

10. Does the 1:3 Internship Policy apply to all expatriates? Are companies under Tier 3, 4, and 5 included in the full implementation?

Yes, the 1:3 Internship Policy applies to all categories of Employment Passes (EP) including new and renewal applications under EP Category 1 (EPI), Category 2 (EPII), and Category 3 (EPIII).

Adakah Dasar Latihan Industri 1:3 terpakai kepada semua kategori ekspatriat?

Ya, dasar ini terpakai kepada semua kategori Pas Penggajian (EP), termasuk permohonan baharu dan pembaharuan di bawah Kategori 1 (EPI), Kategori 2 (EPII) dan Kategori 3 (EPIII).

11. Does the 1:3 Internship Policy apply to all expatriates? Are companies under Tier 3, 4, and 5 included in the full implementation?

Exceptions to this policy will be granted to companies or organisations that meet the following conditions:

- a. New companies that have been operating in Malaysia for less than two (2) years;
- b. Companies with Representative or Regional Offices (RERO);
- c. Companies that receive tax exemptions from the government, especially in key sectors like digital and energy (not subject to); and
- d. Other exemption requests may also be considered by the relevant committee based on feedback from the trial phase of the policy.

Adakah terdapat pengecualian atau syarat tertentu bagi pelaksanaan dasar ini?

Pengecualian terhadap pelaksanaan dasar ini boleh diberikan kepada syarikat atau organisasi yang memenuhi syarat berikut:

- a. Syarikat baharu yang beroperasi di Malaysia kurang daripada dua (2) tahun;
- b. Syarikat yang mempunyai Pejabat Perwakilan atau Pejabat Serantau (RERO);
- c. Syarikat yang menerima pengecualian cukai daripada Kerajaan, khususnya dalam sektor strategik seperti digital dan tenaga; dan

- d. Permohonan pengecualian lain yang akan dipertimbangkan oleh jawatankuasa berkaitan berdasarkan maklum balas daripada fasa perintis dasar.

12. Does the 1:3 Internship Policy apply to all expatriates? Are companies under Tier 3, 4, and 5 included in the full implementation?

- a. Exemption for Pioneer Status (PS) companies and Investment Tax Allowance (ITA) for the first 5 years, and Malaysia Digital is limited to the first 2 years only.
- b. The internship quota is determined according to the EP approval ratio and if a 2% workforce allocation quota is required, it must go through an appeal process. The result of the appeal is in the full jurisdiction of the secretariat.

Apakah kriteria pengecualian cukai yang membolehkan pengecualian daripada pelaksanaan dasar ini?

Antara kriteria pengecualian cukai adalah seperti berikut:

- a. Syarikat yang menerima status *Pioneer Status (PS)* dan *Investment Tax Allowance (ITA)* bagi tempoh lima (5) tahun pertama, manakala bagi Malaysia Digital adalah terhad kepada dua (2) tahun pertama sahaja; dan
- b. Penentuan kuota latihan industri adalah berdasarkan nisbah kelulusan EP. Sekiranya syarikat memohon penilaian berdasarkan kuota 2% daripada jumlah tenaga kerja, permohonan tersebut hendaklah melalui proses rayuan, dan keputusan adalah tertakluk sepenuhnya kepada pihak sekretariat.

13. Does the 1:3 Internship Policy apply to all expatriates? Are companies under Tier 3, 4, and 5 included in the full implementation?

The internship quota under the 1:3 Internship Policy will be notified once the expatriate Employment Pass (EP) is endorsed. Companies are required to hire interns within twelve (12) months from the date they receive the official notification from TalentCorp regarding their participation in the policy. Companies may also view their internship quota through the MyNext dashboard, and they will receive an email notification once the quota is assigned.

Bilakah syarikat boleh mula mengambil pelatih industri?

Kuota penempatan latihan industri akan dimaklumkan selepas Pas Penggajian (EP) ekspatriat disahkan. Selepas menerima notifikasi rasmi daripada TalentCorp, syarikat diberi tempoh dua belas (12) bulan untuk memenuhi keperluan pengambilan pelatih tersebut. Bagi memudahkan pemantauan, syarikat juga boleh menyemak kuota latihan industri menerusi papan pemuka (dashboard) MyNext dan akan menerima pemberitahuan melalui e-mel sebaik sahaja kuota berkenaan ditetapkan.

14. Does the 1:3 Internship Policy apply to all expatriates? Are companies under Tier 3, 4, and 5 included in the full implementation?

Any internship placement that meets the requirements of the National Structured Internship Programme (MySIP) will be recognised under this policy.

To qualify, the company must provide internship placements that are:

- structured and quality-assured;
- at least 10 weeks in duration;
- paid a minimum monthly allowance of RM500 or RM600, depending on the student's level of study; and
- endorsed by TalentCorp under the MySIP framework.

Companies that choose not to participate in MySIP are still required to fulfil their internship placement quota under this policy.

However, companies that do not participate in MySIP will not be eligible for MySIP benefits, including the related incentives.

Apakah jenis penempatan latihan industri yang layak di bawah Dasar Latihan Industri 1:3?

Penempatan latihan industri yang memenuhi syarat di bawah Program Latihan Industri Berstruktur Nasional (MySIP) akan diiktiraf di bawah dasar ini.

Bagi melayakkan penempatan tersebut, syarikat hendaklah menyediakan latihan industri yang:

- berstruktur dan berkualiti;
- mempunyai tempoh minimum selama 10 minggu;
- menawarkan elaun minimum sebanyak RM500 atau RM600 sebulan, bergantung kepada peringkat pengajian pelajar; dan
- mendapat pengiktirafan atau pengesahan daripada TalentCorp di bawah pelaksanaan MySIP.

Sekiranya syarikat memilih untuk tidak menyertai MySIP, syarikat tersebut masih perlu memenuhi kuota penempatan latihan industri yang ditetapkan di bawah dasar ini.

Walau bagaimanapun, syarikat yang tidak menyertai MySIP tidak akan menikmati manfaat di bawah program tersebut, termasuk insentif yang berkaitan.

15. Does the 1:3 Internship Policy apply to all expatriates? Are companies under Tier 3, 4, and 5 included in the full implementation?

No, statutory contributions for interns follow the normal practice and are not mandatory.

Adakah pelatih industri diwajibkan mencarum kepada caruman berkanun?

Tidak, caruman berkanun bagi pelatih industri adalah tertakluk kepada amalan semasa dan tidak diwajibkan di bawah dasar ini.

16. Does the 1:3 Internship Policy apply to all expatriates? Are companies under Tier 3, 4, and 5 included in the full implementation?

Companies can monitor their internship obligations through the MyNext dashboard, which displays the number of EPs endorsed and the corresponding number of interns required. In addition, companies will receive email notifications each time a new or renewal EP is endorsed, along with the updated internship quota.

To fulfil the internship requirements, companies must:

- a) Advertise internship opportunities on MyNext under MySIP Advertised, regardless of whether the interns will be hired through the MyNext platform or through direct recruitment.
- b) If interns are recruited directly from universities or other institutions or other job portal, the internship details must be declared under MySIP Direct Hiring.

All processes are Free of Charge (FOC), and the normal process flow for MySIP, and ITS continues.

Bagaimanakah syarikat memenuhi keperluan latihan industri di bawah dasar ini?

Syarikat boleh memantau kewajipan penempatan latihan industri melalui papan pemuka (dashboard) MyNext yang memaparkan jumlah EP yang disahkan serta bilangan pelatih industri yang diperlukan.

Bagi memenuhi keperluan tersebut, syarikat hendaklah:

- a) Mengiklankan peluang latihan industri di platform MyNext di bawah kategori MySIP *Advertised*, tanpa mengira kaedah pengambilan; dan
- b) Mengisytiharkan maklumat pelatih di bawah MySIP *Direct Hiring* sekiranya pengambilan dibuat secara terus melalui institusi atau platform lain.

Semua proses ini tidak melibatkan sebarang pembayaran atau caj (FOC), dan aliran proses sedia ada bagi MySIP serta *Industrial Training Scheme* (ITS) tetap diguna pakai.

17. Does the 1:3 Internship Policy apply to all expatriates? Are companies under Tier 3, 4, and 5 included in the full implementation?

Yes, if the company is subject to the 1:3 Internship Policy, the internship placement must comply with the requirements set under MySIP.

The key requirements include the following:

- interns must be paid a minimum monthly allowance of RM500 or RM600, depending on their level of study; and
- the internship must have a minimum duration of ten (10) weeks.

In addition, the related costs may be claimed by the company through:

- the double tax deduction incentive under MySIP; or
- the relevant support available under the Industrial Training Scheme (ITS) by HRD Corp.

Sekiranya pelatih telah diambil sebelum 1 Jun 2026, adakah syarikat dikehendaki membayar elaun kepada pelatih tersebut?

Ya, sekiranya syarikat anda tertakluk kepada Dasar Latihan Industri 1:3, penempatan latihan industri tersebut tetap perlu mematuhi keperluan yang ditetapkan di bawah MySIP.

Antara keperluan utama adalah seperti berikut:

- pelatih perlu menerima elaun minimum sebanyak RM500 atau RM600 sebulan, bergantung kepada tahap pengajian; dan
- tempoh latihan industri hendaklah sekurang-kurangnya sepuluh (10) minggu.

Selain itu, kos berkaitan pelaksanaan latihan industri tersebut boleh dituntut oleh syarikat melalui:

- insentif potongan cukai dua kali ganda di bawah MySIP; atau
- kemudahan berkaitan di bawah Industrial Training Scheme (ITS) oleh HRD Corp.

18. If we are claiming under MySIP, are we able to claim under HRDC as well?

Yes, you can claim under HRDC provided that you have at least a 50% levy balance under the Industrial Training Scheme by HRDC.

Sekiranya tuntutan dibuat di bawah MySIP, adakah syarikat masih boleh membuat tuntutan di bawah HRDC?

Ya, syarikat masih boleh membuat tuntutan di bawah HRDC dengan syarat mempunyai baki levi sekurang-kurangnya 50% di bawah Industrial Training Scheme (ITS) oleh HRDC.

19. Does the 1:3 Internship Policy apply to all expatriates? Are companies under Tier 3, 4, and 5 included in the full implementation?

You may hire interns to be placed in any field. The interns do not have to report directly to the expatriate or be directly involved with the expatriate.

Adakah pelatih perlu melapor terus kepada ekspatriat yang diambil bekerja?

Tidak, pelatih tidak diwajibkan untuk melapor terus kepada Pekerja ekspatriat atau terlibat secara langsung dengan mana-mana pekerja ekspatriat yang telah sah bekerja. Syarikat bebas menempatkan pelatih dalam mana-mana peranan atau bidang yang bersesuaian.

20. Under this implementation, is it mandatory for us to register for MyNext and MySIP?

Yes, registration for MyNext is mandatory to fulfill the internship placement requirement while claiming for MySIP is optional.

Adakah pendaftaran di MyNext dan MySIP adalah mandatori?

Pendaftaran di platform MyNext adalah wajib bagi tujuan pematuhan kepada keperluan penempatan latihan industri. Walau bagaimanapun, penyertaan dalam Program Latihan Industri Berstruktur Nasional (MySIP) adalah secara pilihan.

APPLICATION AND APPROVAL PROCESS **PROSES PERMOHONAN DAN KELULUSAN**

21. How will the 1:3 Internship Policy be implemented?

Under full implementation from 1 June 2026, the default requirement is based on the applicable 1:3 Internship Policy ratio tied to endorsed Employment Passes. The internship quota reflected in MyNext will follow the policy logic communicated by TalentCorp and the relevant authorities. Through this cooperation, the Government will be able to identify job market demand trends through expatriate application data as well as 360° evaluation of industrial training (company to trainee and vice versa) in a systematic, current (real-time), and strategic manner.

Companies are required to provide a quota of internship placements for local students from public and private higher education institutions as well as technical and vocational education and training (TVET) institutes based on the following ratio:

No.	Employment Pass Category	Proposed Ratio	Company Requirement
1.	Employment Pass (EPI)	1:3	1 EPI endorsed, 3 internships placements establishment
2.	Employment Pass (EPII)	1:2	1 EPII endorsed, 2 internships placements establishment
3.	Employment Pass (EPIII)	1:1	1 EPIII endorsed, 1 internship placement establishment

Bagaimanakah Dasar Latihan Industri 1:3 dilaksanakan?

Pelaksanaan Dasar Latihan Industri 1:3 akan berkuat kuasa mulai 1 Jun 2026. Di bawah pelaksanaan ini, keperluan asas syarikat adalah berdasarkan nisbah penempatan latihan industri yang ditetapkan mengikut jumlah Pas Penggajian (Employment Pass, EP) yang telah diluluskan. Kuota penempatan latihan industri yang dipaparkan dalam platform MyNext adalah berpandukan kepada mekanisme dasar yang telah ditetapkan oleh TalentCorp serta pihak berkuasa berkaitan. Melalui pelaksanaan ini, kerajaan berupaya mengenal pasti trend permintaan pasaran kerja melalui data permohonan ekspatriat serta melaksanakan penilaian latihan industri secara menyeluruh dan sistematik, termasuk penilaian dua hala antara syarikat dan pelatih.

Sehubungan itu, syarikat dikehendaki menyediakan penempatan latihan industri kepada pelajar tempatan dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) berdasarkan nisbah berikut:

No.	Kategori Pas Penggajian	Cadangan Nisbah	Keperluan Penempatan Latihan Industri Syarikat
1.	Pas Penggajian (EPI)	1:3	1 pengesahan EPI, 3 penempatan latihan industri
2.	Pas Penggajian (EPII)	1:2	1 pengesahan EPII, 2 penempatan latihan industri
3.	Pas Penggajian (EPIII)	1:1	1 pengesahan EPIII, 1 penempatan latihan industri

22. Is the 2% total workforce option still available as a default option?

No. Effective 1 June 2026, the 2% total workforce basis is no longer a default option under the policy.

Adakah kaedah penilaian berdasarkan 2% daripada jumlah tenaga kerja masih digunakan sebagai pilihan utama?

Tidak. Bermula 1 Jun 2026, kaedah penilaian berdasarkan 2% daripada jumlah tenaga kerja tidak lagi dijadikan sebagai pilihan utama (default) di bawah dasar ini.

23. How can a company request to be assessed based on 2% of total workforce?

A company that wishes to be assessed based on 2% of its total workforce must submit an appeal through the MyNext platform. The appeal will be reviewed by the secretariat in accordance with the applicable policy parameters and supporting information provided by the company.

Bagaimanakah syarikat boleh memohon untuk dinilai berdasarkan 2% daripada jumlah tenaga kerja?

Syarikat yang ingin dipertimbangkan berdasarkan 2% daripada jumlah tenaga kerja perlu mengemukakan permohonan rayuan melalui platform MyNext. Permohonan tersebut kemudiannya akan dinilai oleh pihak sekretariat berdasarkan kriteria asas yang sedang berkuat kuasa, termasuk maklumat dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh syarikat.

24. How does the 1:3 Internship Policy affect the expatriate employment approval process?

The Policy will only be put into effect after the completion of the employment pass approval process and will not interfere with any current approval processes (once the companies involved have received approval for their employment passes). Therefore, the duration and approval requirements of the expatriate employment passes will not be affected.

Bagaimanakah Dasar Latihan Industri 1:3 mempengaruhi proses kelulusan Pas Penggajian ekspatriat?

Dasar ini hanya berkuat kuasa selepas proses kelulusan Pas Penggajian (EP) selesai dan tidak akan mengganggu atau mempengaruhi proses kelulusan sedia ada. Oleh itu, tempoh serta keperluan kelulusan EP kekal tidak berubah.

25. Are companies required to submit proof of internship placements when applying for new or renewing expatriate passes?

Companies are not required to provide separate proof of internship placements under this policy, as the relevant information will already be captured in the MyNext platform, either through internship hires made via MyNext advertisements or through the submission of intern details for direct hiring in MyNext. The details of the internship placements will subsequently be updated to Immigration for future reference and review.

Adakah syarikat perlu mengemukakan bukti penempatan latihan industri semasa permohonan baharu atau pembaharuan Pas Penggajian ekspatriat?

Tidak. Syarikat tidak perlu mengemukakan bukti secara berasingan kerana kesemua maklumat berkaitan penempatan latihan industri akan direkodkan dalam platform MyNext, sama ada melalui pengambilan pelatih melalui iklan MyNext atau pengisytiharan pengambilan secara terus. Maklumat tersebut seterusnya akan dikemas kini kepada pihak Imigresen bagi tujuan rujukan dan semakan pada masa hadapan.

26. Are there resources or support for companies to help implement the 1:3 Internship Policy?

Companies will be invited to offer internship placement under the MySIP, which provides a double tax deduction incentive on expenses incurred on interns. MySIP, which has been implemented by TalentCorp since 2012, acts as a proactive intervention in ensuring that the country's graduates are industry-ready, with emphasis on early exposure and early experience of the real world of work before graduating. MySIP implementation criteria also stipulate that industrial trainees are paid a monthly allowance of at least RM500 or RM600 per month (according to the level of study) throughout the duration of their industrial training, which needs to be at least ten (10) weeks.

Adakah terdapat sokongan atau sumber bantuan kepada syarikat untuk melaksanakan Dasar latihan Amali 1:3?

Ya. Syarikat akan dipelawa untuk menawarkan penempatan latihan industri di bawah Program Latihan Industri Berstruktur Nasional (MySIP), yang menyediakan insentif potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan berkaitan pelatih. MySIP, yang dilaksanakan oleh TalentCorp sejak 2012, merupakan satu inisiatif proaktif bagi membantu memastikan graduan tempatan lebih bersedia memasuki alam pekerjaan melalui pendedahan awal kepada persekitaran kerja sebenar. Di bawah pelaksanaan program ini, syarikat perlu menyediakan elaun minimum sebanyak RM500 atau RM600 sebulan, bergantung kepada tahap pengajian pelatih, bagi tempoh latihan industri sekurang-kurangnya sepuluh (10) minggu.

27. How can students apply for internships created through the implementation of the 1:3 Internship Policy?

Students can apply for the internships via MyNext Talent at www.mynext.my/talent

Bagaimanakah pelajar boleh memohon penempatan latihan industri di bawah dasar ini?

Pelajar boleh memohon penempatan latihan industri melalui platform MyNext Talent di laman sesawang rasmi: www.mynext.my/talent

28. What is TalentCorp's role in the implementation of the 1:3 Internship Policy?

TalentCorp acts as the Secretariat and Coordinating Agency to the implementation of the Policy through close collaboration with higher learning institutes and industry players to support the development of a sustainable talent pool, bridging gaps between industry and academia, through initiatives such as the MyMahir Malaysia Critical Occupations List MyCOL), MyNext, MySIP, MyMahirFuture Skills Talent Council, and Industry-Academia Collaboration (IAC).

Apakah peranan TalentCorp dalam pelaksanaan Dasar latihan Amali 1:3?

TalentCorp bertindak sebagai sekretariat dan agensi penyelaras dalam pelaksanaan dasar ini melalui kerjasama erat dengan institusi pengajian tinggi serta pihak industri. Peranan ini merangkumi usaha membangunkan ekosistem bakat yang mampan, merapatkan jurang antara industri dan akademik, serta menyokong pelaksanaan pelbagai inisiatif strategik seperti Senarai Pekerjaan Kritikal Malaysia (MyCOL), MyNext, MySIP, MyMahir Future Skills Talent Council serta Kolaborasi Industri-Akademia (IAC).

IMPACT AND ACCOUNTABILITY **IMPAK DAN AKAUNTIBILITI**

29. How will compliance with the 1:3 Internship Policy be monitored and enforced?

Monitoring and verification will be conducted through the submission of the following documents which is one of the main references for the consideration of issuing the MySIP Letter of Endorsement to qualify the company to apply for the double tax deduction benefits with the Inland Revenue Board of Malaysia:

- a) Detailed information on industrial trainees as outlined by TalentCorp
- b) Feedback and evaluation by industrial trainees and companies at the end of the industrial placement

This approach aims to ensure that the quality of internship placements is continuously monitored and meets the established standards.

Bagaimanakah pematuhan terhadap Dasar Latihan Industri 1:3 dipantau dan dikuatkuasakan?

Pemantauan dan pengesahan pematuhan terhadap Dasar Latihan Industri 1:3 akan dilaksanakan melalui penyerahan maklumat dan dokumen berkaitan penempatan latihan industri, yang menjadi rujukan utama dalam pertimbangan pengeluaran Surat Pengesahan MySIP bagi membolehkan syarikat memohon insentif potongan cukai dua kali dengan pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Antara maklumat yang diperlukan adalah seperti berikut:

- a) Maklumat terperinci berkaitan pelatih industri sebagaimana yang ditetapkan oleh TalentCorp; dan
- a) Maklum balas serta penilaian oleh pelatih industri dan syarikat pada akhir tempoh latihan industri.

Pendekatan ini bertujuan memastikan kualiti penempatan latihan industri sentiasa dipantau serta memenuhi standard yang ditetapkan.

30. What penalties or consequences will companies face for non-compliance?

Your company's fulfilment of the 1:3 Internship Policy will be taken into account, with appropriate weightage, in the assessment of future Employment Pass (EP) approvals, in line with the approving authority's guidelines.

Apakah penalti atau implikasi sekiranya syarikat tidak mematuhi Dasar Latihan Amali 1:3?

Ketidakpatuhan terhadap Dasar latihan Amali 1:3 akan diambil kira, dengan pemberat yang sewajarnya, dalam proses penilaian kelulusan Pas Penggajian (EP) pada masa hadapan, selaras dengan garis panduan pihak berkuasa yang meluluskan. Sehubungan itu, sekiranya syarikat ingin memastikan proses permohonan EP pada masa hadapan berjalan dengan lancar, pematuhan terhadap dasar ini adalah penting.

31. How will the policy's impact on local talent development be measured?

For the record, over 60,000 employment passes were approved in 2023 (MYXpats and MDEC), and if the 1:3 Internship Policy is implemented according to the recommended ratios, more than 100,000 internship placements could be generated annually. This can be measured by the increase in the number of internship offerings under MySIP captured in the MyNext platform.

Bagaimanakah impak Dasar latihan Amali 1:3 terhadap pembangunan bakat tempatan diukur?

Impak pelaksanaan dasar ini akan diukur berdasarkan peningkatan jumlah penempatan latihan industri yang direkodkan di bawah Program Internship Berstruktur Nasional (MySIP) melalui platform MyNext. Sebagai rujukan, lebih daripada 60,000 Pas Penggajian telah diluluskan pada tahun 2023 (melalui MYXpats dan MDEC). Sekiranya dasar ini dilaksanakan mengikut nisbah yang ditetapkan, lebih daripada 100,000 penempatan latihan industri berpotensi diwujudkan setiap tahun. Ini secara langsung menyumbang kepada pembangunan bakat tempatan yang lebih bersedia untuk memenuhi keperluan industri serta meningkatkan daya saing tenaga kerja negara.

ADDITIONAL CLARIFICATIONS AND SUPPORT **PENJELASAN LANJUT DAN SOKONGAN**

32. Where can companies and expatriates get more information about the 1:3 Internship Policy?

Companies can also refer to TalentCorp and MyNext websites on the 1:3 Internship Policy, including its guidelines, eligibility criteria, and implementation procedures.

Di manakah syarikat dan ekspatriat boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai Dasar Latihan Industri 1:3?

Syarikat dan pihak berkepentingan boleh merujuk kepada laman sesawang rasmi Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) serta platform MyNext untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan pelaksanaan Dasar Latihan Industri 1:3, termasuk garis panduan, kriteria kelayakan dan prosedur pelaksanaan.

33. Who should companies contact if they have questions or encounter issues?

Any enquiries or issues related to the implementation of the 1:3 Internship Policy may be directed to the secretariat via the following official email addresses: mysip@talentcorp.com.my

The secretariat will provide the necessary feedback and support to ensure the smooth implementation of this policy.

Siapakah yang perlu dihubungi sekiranya terdapat pertanyaan atau isu berkaitan pelaksanaan dasar ini?

Sebarang pertanyaan atau isu berkaitan pelaksanaan Dasar Latihan Industri 1:3 boleh dikemukakan kepada pihak sekretariat melalui alamat e-mel rasmi berikut: mysip@talentcorp.com.my

Pihak sekretariat akan memberikan maklum balas dan sokongan yang sewajarnya bagi memastikan kelancaran pelaksanaan dasar ini.

34. How will this policy evolve or expand in the future? Will there be additional requirements?

Any enhancements or expansions to the 1:3 Internship Policy will be made based on findings and feedback from the pilot phase as well as ongoing implementation.

Any changes, improvements, or additional requirements will be communicated from time to time by the Government through TalentCorp to ensure that this policy remains relevant, effective, and aligned with industry needs as well as national talent development.

Bagaimanakah dasar ini akan berkembang atau ditambah baik pada masa hadapan? Adakah akan terdapat keperluan tambahan?

Sebarang penambahbaikan Dasar latihan Amali 1:3 akan dibuat berdasarkan dapatan dan maklum balas daripada fasa perintis serta pelaksanaan semasa.

Sebarang perubahan, penambahbaikan atau keperluan tambahan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa oleh pihak Kerajaan melalui TalentCorp bagi memastikan dasar ini kekal relevan, efektif dan sejajar dengan keperluan industri serta pembangunan bakat negara.

[END]